

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 JANUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14

KSM cadang SPKM sebagai persijilan tunggal TVET

KSM cadang SPKM sebagai persijilan tunggal TVET

PUTRAJAYA - Kementerian Sumber Manusia (KSM) mencadangkan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dijadikan sebagai persijilan tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

Menterinya, V Sivakumar berkata, langkah itu perlu ekoran kecelaruan pelaksanaan TVET di Malaysia yang berpunca daripada kewujudan pelbagai persijilan TVET yang difakreditasikan oleh dua agensi kawal selia iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Agenzi Kelayakan Malaysia (MOA).

Sehubungan itu, katanya adalah wajar agar SPKM yang berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan

Kebangsaan (NOSS) di bawah kawal selia JPK ditetapkan sebagai persijilan tunggal TVET negara untuk semua program TVET Tahap Satu hingga Lima dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

"Penyeragaman program TVET Tahap Satu hingga Lima berdasarkan SPKM dalam MQF akan menjadi satu wadah baharu dalam memperkasakan TVET negara," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 KSM di sini pada Jumaat.

Sivakumar dalam pada itu berkata,

Jabatan Tenaga Manusia (JTM) perlu menilai semula kursus-kursus yang ditawarkan agar ia menepati keperluan semasa industri supaya tidak wujud sindrom ketakpadanan.

"Kursus-kursus yang ditawarkan perlu ditambah baik dengan elemen-elemen digitalisasi, automasi dan lain-lain yang selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0," katanya.

Sivakumar dalam kenyataan pada Khamis memaklumkan Jemaah Menteri pada 7 Disember lepas membuat keputusan untuk memindahkan fungsi Sekretariat Majlis TVET Negara kepada KSM yang dahulunya di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

Berikutan keputusan Jemaah Menteri itu, Sivakumar berkata, KSM akan menggunakan kesempatan itu untuk memartabatkan imej TVET negara.

"KSM perlu mengetuai inisiatif untuk memberikan imej baharu kepada TVET supaya TVET tidak lagi dilihat sebagai pilihan kedua atau pilihan alternatif," katanya.

Pada majlis itu, Sivakumar turut mengumumkan Pelan Strategik KSM 2023-2025 yang merangkumi lima teras strategik. - Bernama



SIVAKUMAR